



Isu sampah Aidilfitri di Melaka terkawal

Norafiqah Jamal

PAYA RUMPUT - Isu lambakan sampah sekitar Bandaraya Melaka sepanjang Aidilfitri tahun ini berjaya dikawal meskipun berlaku peningkatan jumlah sisa berikutan cuti panjang dan kehadiran pengunjung yang ramai ke negeri ini.

Datuk Bandar Majlis

Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB) Datuk Shadan Othman berkata, perancangan awal serta gerak kerja tersusun membantu menangani perkara itu dengan lebih sistematik.

Katanya, kerjasama bersama SWM Environment Sdn Bhd (SWM Environment) serta beberapa konsesi lain turut membantu me-

astikan pengurusan sampah berjalan lancar.

"Pada hari pertama dan kedua Aidilfitri, kita dapati keadaan kebersihan sekitar Bandaraya Melaka berada pada tahap memuaskan dan dapat diuruskan dengan baik.

"Diharap ia akan berterusan sepanjang Aidilfitri ini dan pada masa sama

kita meminta orang ramai agar turut memainkan peranan dalam memastikan tidak berlaku longgokan sampah tidak terkawal di kawasan masing-masing," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita ketika ditemui pada Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri Dewan Undangan Negeri (DUN) Paya

Rumput di perkarangan Stadium Hang Jebat 22 Mac lalu.

Mengulas lanjut, Shadan memaklumkan isu sampah tidak terkawal di beberapa lokasi seperti yang dimuat naik di laman sosial hanyalah isu terencil dan ia berjaya diselesaikan dalam tempoh singkat.

"Kita tidak nafikan me-

mang kuantiti sampah berlaku peningkatan, namun begitu kita berjaya mengawalinya dan hasil gerak kerja yang telah dirancang lebih awal berjaya menyelesaikan isu tersebut dengan segera," katanya.



SHADAN bergambar bersama petugas pembersihan yang berkhidmat pada Aidilfitri tahun ini.



MASALAH lambakan sampah di Bandaraya Melaka terkawal hasil kerjasama dan koordinasi melibatkan pelbagai agensi.